



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **PANGSAPURI PANDANMAS 2 REALISASIKAN IMPIAN 300 PENDUDUK SETINGGAN KOMUNITI INDIA**

**KUALA LUMPUR, 25 April 2018** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyerahkan kunci kepada 300 komuniti India bagi program penempatan semula yang dibuat di Pangsapuri Pandanmas 2. Penduduk yang sebelum ini tinggal di kawasan yang daif, sempit dan kurang selesa kini berpindah ke kediaman yang lebih kondusif dan *vibrant*.

Pangsapuri Pandanmas 2 ini ditawarkan pada harga RM42,000 kepada penduduk asal di kawasan tersebut yang majoritinya merupakan komuniti India. Rumah yang berkeluasan 800 kaki persegi ini pastinya merubah landskap kehidupan mereka selepas ini ke arah yang lebih sempurna. Skim pinjaman khusus sebanyak 90% termasuk kos pelbagai sebanyak RM4,560 turut disediakan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi membantu penduduk asal membeli rumah tersebut.

YB Menteri Wilayah Persekutuan juga turut menyerahkan kunci RUMAWIP Residensi Pandanmas 2 kepada 1,920 pembeli. Residensi Pandanmas 2 ini dijual pada harga RM300,000 seunit yang jauh lebih rendah dari harga pasaran semasa di kawasan tersebut. Kediaman dengan keluasan 900 kaki persegi ini, mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu petak tempat letak kereta berbumbung. Kawasan kediaman yang dilengkapi fasiliti bertaraf kondominium ini pastinya memberi keuntungan berganda kepada para pembeli.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah mencapai sasaran keseluruhan pembinaan RUMAWIP iaitu sebanyak 88,917 unit berbanding 80,000 unit yang disasarkan di Wilayah Persekutuan. Usaha sama antara pihak Kerajaan dan swasta yang sentiasa berganding bahu untuk memastikan setiap rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan memiliki rumah, ternyata berhasil melalui inisiatif RUMAWIP ini. Diharapkan agar seluruh warga Wilayah Persekutuan sentiasa menyokong kerajaan dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan agar seiring dengan pembangunan negara pada hari ini. “Hebatkan Negaraku”.

**Disediakan Oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**